UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

JABATAN BENDAHARI • *BURSAR'S DEPARTMENT*

Rujukan: UKMBEN 400-6/39
Tarikh : 24 Mac 2021

Semua Pelajar Program Prasiswazah dan Pascasiswazah

Saudara/i,

**Semakan Yuran Semester 2 Sesi 2020/2021 Kesan Penularan Wabak Covid19**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas, dimaklumkan bahawa Universiti prihatin dan sangat mengambilberat akan kebajikan pelajar kesan akibat penularan wabak Covid-19 dan telah bersetuju menyemak semula yuran yang berkaitan.

2. Sehubungan itu, Universiti dengan sukacitanya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2021 bertarikh 15 Februari 2021 telah meluluskan pengurangan yuran perkhidmatan sebagaimana berikut:

| Program | Yuran Asal | Pengurangan Yuran |
|---|---|---|
| Yuran Perkhidmatan:<br>Prasiswazah<br>Pascasiswazah | <br>RM340<br>RM420 | <br>RM109<br>RM74 |
| Yuran Khas Kolej | RM50 | RM30 |

3. Lebihan bayaran yuran (jika ada) selepas mengambilkira pengurangan akan dikreditkan ke yuran semester berikutnya. Pengembalian yuran (jika ada) hanya akan dibuat kepada pelajar semester akhir sahaja selepas mengambilkira kesemua tunggakan hutang.

4. Saudara/i juga dimohon untuk membuat semakan akaun masing-masing melalui https://ekewangan.ukm.my/. Bayaran baki yuran perlu dijelaskan segera untuk mengelakkan sekatan semasa proses pra pendaftaran (bagi pelajar Prasiswazah).

Sekian untuk perhatian saudara/i, terima kasih.

*"Akauntabiliti Pegangan Kita"*

Yang benar,

**NORINI MOHAMAD** C.A. (M), ACMA, CGMA
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k
- Naib Canselor
- Timbalan-timbalan Naib Canselor
- Dekan/Pengarah, Fakulti/Pusat/Institut
- Pengarah Pusat Teknologi Maklumat
- Pengarah, Pusat Kembangan Pendidikan
- Pengetua-pengetua Kolej Kediaman
- Presiden PMUKM